AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 36 | RABU 5 SEPTEMBER, 1984. | رابو 9 ذوالحجة 1404 | PERCUMA

### Masyarakat Tiong Hwa diseru:

## SESUAIKAN DIRI DGN ASPIRASI NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan kepada masyarakat Tiong Hwa dan lain-lain keturunan masyarakat di negara ini supaya terus berusaha mensesuaikan diri dengan keperluan dan aspirasi negara ini dalam berbagai bidang kehidupan selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik.

Bertitah demikian di Majlis Jamuan Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 tahun, anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hwa di Dewan Persantapan Lapau malam Ahad lepas seterusnya bertitah, "Semangat serta suasana kehidupan harmoni ketika ini hendaklah terus-menerus dipupuk supaya sebati dengan amalan kehidupan sehari-hari."

**EKONOMI**

Dalam bidang ekonomi Baginda Yang Dipertuan menyeru pengusaha-pengusaha serta peniaga-peniaga Tiong Hwa supaya terus berusaha membantu dan memberikan kerjasama rakan-rakan pengusaha peniaga tempatan dalam bidang tersebut.

"Beta percaya dengan kerjasama yang erat dan sikap tolong-menolong, bantu-membantu secara ikhlas, jujur dan amanah, Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kestabilan politik yang mana Beta telah jelaskan maksudnya di majlis yang indah permai serupa ini anjuran Persekutuan Guru-Guru Melayu Negara Brunei Darussalam," titah Baginda Yang Dipertuan.

Juga mengenai ekonomi, Baginda Yang Dipertuan menjelaskan Negara Brunei Darussalam ini mempunyai hutan rimba yang mana apabila dimajukan nanti akan menambahkan peri mustahaknya rakyat pen-

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di majlis itu. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika bertitah di upacara pembukaan rasmi bangunan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

## KUKUH EKONOMI TANPA KESIHATAN: BELUM CUKUP

Oleh: Aisah Piee dan Hanizah Abdullah

KIULAP. – Kekukuhan ekonomi sahaja tidak akan dapat membantu kemajuan dan perkembangan sesebuah negara, tanpa disertai peranan rakyat yang sihat dan cergas, mental dan fizikalnya.

Bertitah mengenainya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menjelaskan, ke arah pencapaian kemajuan dan perkembangan itu, adalah mustahak bagi kita memelihara dan meningkatkan lagi taraf kesihatan yang sedang kita nikmati sekarang.

**TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT**

Bagaimanapun, Baginda mengingatkan bahawa tanggungjawab ke arah pemeliharaan dan peningkatan taraf kesihatan sepatutnya menjadi tanggungjawab bersama dari seluruh anggota masyarakat, dan bukan dibebankan kepada Kerajaan sematamata.

"Beta berpendapat tanggungjawab ini tidak seharusnya dibebankan kepada Kerajaan semata-mata, tetapi sepatutnya juga dipikul bersama oleh anggota masyarakat yang cintakan kepada kesihatan, yang mana Beta yakin seharusnya bermula dari alam rumahtangga lagi," titah Baginda.

Bertitah sejurus sebelum menyempurnakan perasmian Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini minggu lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menjelaskan bahawa taraf kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam telah meningkat dengan lebih baik lagi dari setahun ke setahun, dibandingkan dengan negara-negara yang sedang membangun.

**MEMBASMI**

Ianya terbukti dengan kejayaan usaha-usaha Kerajaan terutama pada membasmikan wabak-wabak penyakit dan

Lihat muka 20

### MANISNYA IMAN

"DAN hendaklah engkau luruskan tujuanmu kepada ugama yang benar, dan janganlah engkau menjadi sebahagian dari orang-orang yang mempersekutukan Allah." — Makna ayat 105, Surah Yunus.

### PERKHIDMATAN RUMAH SAKIT:

## Memerlukan sikap sedia bekerja

KIULAP. – Perkhidmatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sekarang ternyata memerlukan sikap pegawai dan kakitangan yang sedia bekerja bertungkus-lumus, dengan tidak mengira waktu lapang mereka.

Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin memberitahu, perkhidmatan sedemikian diperlukan bagi mempastikan seseorang pesakit yang berada di dalam jagaan mereka sentiasa diberi pertolongan selagi mereka berada dalam pentadbiran rumah sakit.

Dato Paduka Dr. Haji Johar berkata, keindahan rumah sakit itu juga memerlukan peranan para doktor, jururawat serta kakitangan jabatan, supaya ianya benar-benar dapat membuahkan perkhidmatan yang memuaskan.

Katanya, jabatannya juga menyedari yang ianya harus melaksanakan banyak perkara lagi agar penggunaan sistem-sistem yang baru lagi sophisticated yang lengkap di bangunan baru itu selaras dengan kehendak perlaksanaan tugas-tugas yang diperlukan oleh kakitangan serta para pesakit.

Bagaimanapun tambahnya, jabatan itu memerlukan masa bagi menyesuaikan diri dengan sistem-sistem tersebut, di mana mereka menghadapi berbagai kesulitan. Namun ianya akan dijadikan pendorong pada melaksanakan tugas dengan cekap, jujur dan amanah.

Lihat muka 7

## Brunei — Pakistan bentuk hubungan diplomatik

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Islam Pakistan yang telah menyetujui kepentingan dan hasrat bersama, dengan ini memutuskan untuk membentuk hubungan diplomatik mulai 1 September 1984.

Kerajaan Republik Islam Pakistan telah menamakan Tuan Yang Terutama Tuan Mir Abad Hussain sebagai bakal Duta Besarnya ke Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua buah negara bertujuan untuk mengadakan hubungan diplomatik persahabatan dan kerjasama berasaskan hormat menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah tidak menceroboh dan mencampuri hal-ehwal dalam negeri masing-masing serta bagi faedah dan keamanan bersama.

Pelita Brunei

5 SEPTEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENGHARGAAN SERTA HARAPAN KEPADA PENGHULU DAN KETUA KAMPUNG

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam suatu majlis kesyukuran sempena hari keputeraan Baginda baru-baru ini telah melahirkan penghargaan kepada semua penghulu dan ketua kampung di atas kerjasama yang mereka berikan kepada Kerajaan dalam semua kegiatan-kegiatan dan rancangan Kerajaan termasuk pada memelihara ketenteraman dan keselamatan.

Tidak syak lagi penghargaan yang Baginda berikan itu adalah suatu pengiktirafan ke atas tugas serta tanggungjawab penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sesuai dengan kedudukan mereka selaku orang-orang yang mendapat kepercayaan Kerajaan serta orang ramai yang dalam kedudukan secara tradisi mereka adalah juga tempat 'berhandar' bagi anak buah masing-masing.

Dalam keadaan sekarang sungguhpun terdapat perubahan dalam kehidupan harian yang melibatkan perhubungan antara Kerajaan dengan rakyat tetapi kedudukan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung secara tradisional itu tidak banyak terjejas. Mereka masih dapat berfungsi selaku penghubung di antara rakyat dengan Kerajaan di samping masih 'dituakan' oleh anak buah mereka dalam beberapa urusan tertentu di peringkat mukim dan kampung.

Maka berdasarkan itu memang tepatlah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan selain melahirkan penghargaan telah juga menyeru para penghulu dan ketua kampung supaya mengeratkan lagi tali silaturahim dengan anak buah masing-masing. Dengan cara yang sedemikian itu, menurut Baginda, para penghulu dan ketua kampung akan dapat mengetahui keadaan serta masalah-masalah di kalangan anak-anak buah dan mukim pada menjamin wujudnya suasana keamanan, ketenteraman dan keselamatan. Caranya ialah dengan bersikap lebih sensitif terhadap apa jua keadaan yang terdapat di kawasan di bawah tanggungjawab mereka supaya mereka akan dapat memberi sumbangan yang lebih positif dan berkesan pada kemajuan kampung serta lebih berwaspada terhadap apa jua perkara yang mungkin mencurigakan keadaan kampung dan mukim masing-masing.

Memanglah tugas dan tanggungjawab yang sedemikian itu adalah berat. Tambahan kepada itu ialah harapan-harapan yang dipertaruhkan oleh anak-anak buah mereka menjadikan tugas dan tanggungjawab penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung semakin penting terutama sekali dalam peringkat sekarang di mana mereka itu seolah-olah juga berfungsi menjadi wakil orang ramai di mukim dan kampung masing-masing bagi menolong menyampaikan dan menyelesaikan masalah-masalah kampung dan mukim kepada pihak-pihak berkenaan Kerajaan.

Dari segi harapan-harapan yang dipertaruhkan oleh anak buah masing-masing itu kita melihat bukan sahaja orang ramai di peringkat mukim dan kampung patut terus-menerus memberikan sokongan penuh dan kerjasama secara ikhlas, jujur dan amanah kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung masing-masing bahkan semua pihak dalam Kerajaan hendaknya akan meningkatkan lagi daya usaha mereka pada menimbang dan menghuraikan mana-mana masalah yang dihadapkan oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Ini tidak syak lagi bukan sahaja akan menolong meringankan bebanan tugas penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung bahkan akan membantu mereka terus-menerus mendapat kepercayaan orang-ramai dan seterusnya akan menambahkan kewibawaan Kerajaan sendiri selaku pihak yang telah memberi kepercayaan kepada mereka itu.

Memang secara semula jadi apabila sensitiviti penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung terhadap masalah-masalah di kawasan masing-masing semakin meningkat maka pihak-pihak berkenaan Kerajaan akan menerima semakin banyak tuntutan yang berupa permintaan dari orang ramai menerusi penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung. Dalam keadaan itu kita percaya, sebagaimana selama ini telah dapat ditunjukkan, pihak-pihak berkenaan Kerajaan sebaik-baiknya akan terus bersikap terbuka bukan sahaja untuk memahami tugas dan tanggungjawab penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung bahkan turut sama bersikap lebih sensitif terhadap apa-apa yang dihadapkan oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung itu kepada mereka.

Maka dengan sikap yang sentiasa terbuka semua pihak yang berkenaan Kerajaan dalam menerima perkara-perkara yang dihadapkan oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung itu kita percaya penghargaan serta seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung akan meneguhkan lagi kepercayaan rakyat dan penduduk kepada fungsi jawatan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung selaku bukan sahaja semata-mata menjadi orang-orang kepercayaan Kerajaan bahkan menjadi penghubung di antara mereka dengan Kerajaan dan sebaliknya serta layak menerima penghormatan ramai selaku orang yang 'dituakan' di peringkat mukim dan kampung.

### Penekanan dan keutamaan penulis:

# TUMPUKAN KEPADA PEMBENTUKAN MASYARAKAT

**BERIKUT ialah ucapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan di Majlis Penyampaian Hadiah Sastera '84 anjuran Persatuan ASTERAWANI dengan kerjasama Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad di Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong pada 25 Ogos, 1984.**

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah mengajarkan manusia apa-apa yang belum diketahui. Selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang telah menganjur kuasa pena dan penulisan yang bermotif suci.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Asterawani kerana kejayaannya menganjurkan peraduan menulis sastera kreatif dalam berbagai cabangan kesenian itu. Saya juga tidak lupa merekodkan rasa penghargaan kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad kerana kerjasama dalam perkara yang berkebajikan ini. Kepada para penulis yang berjaya pula adalah diharapkan supaya kejayaan yang dicapai hanyalah sebagai pembuka dan bukanlah sebagai penutup bagi rasa kepuasan bersastera, manakala kepada para penulis yang tidak bernasib baik dalam peraduan ini, barang setentunya akan menganggap kegagalan itu sebagai dorongan dan bukanlah sebagai halangan bagi melaksanakan peranan penulisan dan kesusasteraan.

Para penulis Awang-awang dan Dayang-dayang.

**KEBAJIKAN UMAT**

Saya sesungguhnya berharap supaya peranan penulisan dan kesusasteraan kekal berdekatan dengan realiti kehidupan dan keperluan serta aspirasi Kerajaan dan rakyat Brunei Darussalam, di samping menganggap afdal akan hal-ehwal kebajikan umat manusia. Adalah jua diharapkan supaya dalam melaksanakan peranan sedemikian itu, para penulis dan sasterawan hanya akan menikmati erti rasa kepuasan dengan melaksanakan konsep "Perintah apa yang diarah dan cegah apa yang ditegah".

Bercakap mengenai hal-hal yang disebutkan itu, dan sepanjang yang bersangkutan dengan Negara Brunei Darussalam di saat ini, penekanan dan keutamaan haruslah terus-menerus ditumpukan kepada pembentukan masyarakat dan usaha-usaha perkembangan dan pembangunan negara kita. Oleh itu adalah kena pada batasnya supaya para penulis dan sasterawan lebih bijaksana menilai apa yang harus dijadikan tema dan persoalan dalam penulisan, supaya dengan demikian akan tercapailah maksud untuk membentangkan langkah-langkah yang harus diikuti ke arah pembentukan masyarakat yang maju dan negara yang membangun dengan penuh keseimbangan dan selaras dengan cita-cita kita bersama.

**UNSUR NEGATIF**

Sesuai dengan pandangan tersebut, maka sesungguhnya apa yang kita harapkan ialah fungsi penulis dan sasterawan yang berkesan dan efektif sebagai sebahagian daripada tenaga yang membimbing dan memimpin masyarakat. Oleh yang demikian sebarang unsur yang negatif dan membawa keburukan sekecil manapun saiznya haruslah dibenteras bersama termasuklah dalam karier sastera dan sebarang bentuk penulisan agar pengaruh sedemikian tidak akan melemahkan sendi-sendi kemajuan masyarakat dan pembangunan negara; dan sebaliknya sebarang langkah yang berkebajikan walaupun sekecil debu haruslah mendapat galakan dan dorongan termasuklah dalam pengolahan sastera dan penulisan dengan maksud menjadikan unsur yang positif dan membawa kebaikan itu akan menjadi teras ke arah cita-cita kesejahteraan negara dan masyarakat.

**Adalah jua diharapkan supaya dalam melaksanakan peranan sedemikian itu, para penulis dan sasterawan hanya akan menikmati erti rasa kepuasan dengan melaksanakan konsep "Perintah apa yang diarah dan cegah apa yang ditegah".**

Selaras dengan cita-cita pembangunan kita, maka adalah diharapkan supaya akan lebih banyak hasil-hasil sastera dan penulisan yang memuat perbincangan mengenai motivation etika kerja yang penuh semangat azam, jujur dan amanah. Di samping itu perhatian harus juga diberikan kepada golongan muda yang ramai bilangannya di negara ini, oleh itu hasil sastera dan penulisan bukan saja harus memberikan bimbingan kepada mereka untuk memikul tanggungjawab bersama terhadap pembangunan, bahkan yang lebih utama ialah bagaimana menghidangkan ciptaan sastera yang berkesan dan berjaya menyemai unsur-unsur dan corak hidup orang-orang Brunei yang berpegang teguh kepada ajaran ugama dan mematuhi adat resam yang jauh daripada unsur-unsur keburukan dan kerosakan. Kita penuh percaya para penulis adalah menyedari bahawa golongan muda ini adalah menjadi tonggak harapan kita bagi mewariskan Brunei yang sejahtera, aman dan sentosa kepada generasi yang akan datang. Oleh itu sastera dan penulisan memang seharusnya menjangkau persoalan golongan muda ini dari segi pendidikannya, budi pekerti dan keolahannya, keyakinan hidup dan kemampuannya meneruskan ciri-ciri kemuliaan, kemajuan dan keseimbangan serta kesempurnaan dalam berfikir dan bertindak.

Dengan membawa beberapa misalan di atas yakinlah kita bahawa sastera dan penulisan adalah alat bimbingan kehidupan yang luas, dengan itu kesenian seperti ini adalah suatu alam yang luas pula yang memerlukan kebijaksanaan dan kepintaran para penulis dan sasterawan pada melaksanakan tugas dan peranannya, sebab kejayaan sastera dan penulisan sebahagian besarnya adalah terletak kepada kejayaannya memimpin orang ramai mengenal pasti langkah-langkah ke arah pembentukan masyarakat yang maju, sejahtera dan berjaya.

Akhirnya sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Persatuan Asterawani, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan kepada para penulis yang berkecimpung dengan azam untuk membina kebaikan bersama. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullah.

## Bakal Duta Besar Jepun memulakan tugas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bakal Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Tomoya Kawamura telah tiba pada 30 Ogos lepas untuk memulakan tugasnya di Kedutaan Jepun di Bandar Seri Begawan. Beliau telah disertai oleh isterinya Puan Masayuki Suzuki.

Sebelum berkhidmat di negara ini, beliau bertugas sebagai Timbalan Pengarah Agung di Biro Kerjasama Ekonomi, Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Jepun.

Beliau telah berkhidmat di Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Jepun sejak tahun 1956 dan pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Kerjasama Antarabangsa, Pengarah Bahagian Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kedua serta Pengarah Hal-Ehwal Ekonomi Antarabangsa Pertama Pada tahun 1979 beliau menjadi Kaunselor bagi rombongan tetap ke Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa di Geneva dan pada tahun 1980 menjadi Menteri dalam rombongan yang sama. Pada tahun 1981 beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Hal-Ehwal Umum Jepun di Agensi Kerjasama Antarabangsa.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ...... Siri ke-242



# BERZIKIR KETIKA SAKIT

BERKATA Al-Imam An-Nawawi: Sayugia orang sakit itu sendiri membaca di atas sakitnya dengan Al-Fatihah, Qulhuallahu Ahad, Qulauzubirabbil Falaq, Qulauzubirabbinnas, dan ia tiupkan di atas badannya, sebagaimana telah lalu sebutannya, dan ia berdoa dengan doa karb (doa bimbang dan doa ketakutan). Adalah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam membaca doa ini ketika dalam bimbang. Dan menurut suatu riwayat: Bahawa adalah Nabi Salallahu Alaihi Wassalam, apabila berbangkit sesuatu perkara yang mustahak dan besar atau kena sesuatu duka, maka Baginda menyuruh sahabat-sahabat baca doa karb itu yang bererti:

*"Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah Yang Maha Mulia lagi Yang Maha Halim (tiada lekas murka), tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah Tuhan Yang Memiliki Arasy Yang Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah Tuhan yang memiliki tujuh petala langit dan bumi, Tuhan memiliki Arasy Yang Maha Mulia."*

Hadis ini diriwayatkan dalam Syahih Al-Bukhari dan Muslim. Adalah Nabi Salallahu Alaihi Wassalam apabila disusahkan oleh sesuatu perkara maka Baginda membaca doa yang ertinya:

*"Wahai Allah yang sentiasa hidup, Wahai Allah yang sentiasa mentadbirkan makhluknya, dengan rahmat Tuhan hamba, hamba bermohon bantuan."*

Sayugia dibaca seberapa yang dapat ketika dalam kebimbangan, dukacita, sedih dan ketakutan akan dua doa ini.

2. Berkata Al-Imam An-Nawawi: Dibaca banyak-banyak doa Karb ketika perempuan dekat bersalin. Kami telah meriwayatkan di dalam Kitab Ibnu Sunny daripada Sayidatina Fatimah Radiallahuanha: "Bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ketika hampir Sayidatina Fatimah bersalin, menyuruh Umu Salamah dan Zainab binti Jahsy datang kepada Sayidatina Fatimah dan membacakan di sisi Sayidatina Fatimah itu akan Ayatul — Kursi (Suratul Baqarah ayat 255) tafsirannya:

*"Allah Taala itu, tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya di dalam wujud ini melainkan Dia (Allah) jua, yang bersifat dengan sifat sentiasa Kekal dan Baqa, dan yang sentiasa menjalankan tadbir akan makhluknya, yang tiada bersifat mengantuk dan tiada bersifat tidur, Dia Allah itu mempunyai segala apa yang ada di dalam tujuh petala langit dan segala apa yang ada di dalam tujuh petala bumi, semuanya itu milik Allah dan semuanya itu makhluk Allah, dan semuanya itu hamba-hamba Allah, yakni Allah itu sahaja Tuhan yang disembah bukan yang lain disembah, tiada siapa berdaya mohon syafaat dan pertolongan sesuatu di sisi Allah melainkan dengan izin Allah kepadanya berbuat sesuatu syafaat dan pertolongan dalam sesuatu perkara yakni berhala itu tiada daya memberi syafaat kerana ia makhluk Allah, Allah Taala itu mengetahui akan hal-ehwal makhluk itu sama ada perkara di dunia dan akhirat mereka, dan makhluknya itu tiada ketahui akan sesuatupun dari perkara-perkara maklumat yang diketahui oleh Allah itu, melainkan dengan kehendak iradat-Nya jua akan memberi tahu kepada mereka akan setengah-setengah perkara dengan perantaraan khabar yang dibawa oleh Rasul-Rasul Allah, Kursi Allah Taala itu seluas tujuh petala langit dan bumi atau alam Allah meliputi tujuh petala langit dan bumi atau ertinya Allah Taala memiliki akan keduanya, dan tiada susah dan tiada berat kepada Allah Taala memelihara kedua langit dan bumi itu, dan Allah Taala itu bersifat Mulia dan Berkuasa di atas makhluk-Nya dengan menggagahi mereka dengan sifat-Nya yang Al-Qahhar, lagi Allah itu bersifat dengan sifat kebesaran."* (Dari tafsir Al-Jalalin).

Ayatul-Kursi itu seafdal-afdal ayat dalam Al-Quran dan sayugia dibaca pada bila-bila masa jua menurut banyak Hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam padanya, dibaca pada ayat Al-Quran surah Al-Akrab ayat 54, tafsirannya:

*"Bahawa Tuhan kamu itu ialah Allah Taala yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi, dalam tempoh enam hari, kemudian Allah memerintah di atas Arasy, dan ia menutup malam dan siang dengan menjadikan malam itu siang dan siang hari itu akan malam, maka malam itu mengekori siang dan siang mengekori malam dengan bersegera tiada berlengah-lengah, dan Allah Taala menjadikan matahari dan bulan dan bintang-bintang dengan semuanya itu tunduk di bawah perintah Allah Taala dan kudrat-Nya, ketahuilah Allah Taala itu menjadikan tiap-tiap sesuatu dan menguasai tiap-tiap suatu, bertambah-tambah kebesaran Allah Taala Rabbulalamin Tuhan seru sekalian Alam."*

Dan juga Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam menyuruh keduanya membaca tangkal perlindungan dari segala kejahatan dua muawazzah itu iaitu Qulauzubirabbil Falaq dan Qulauzubirabbinnas (dan dua surah itu ada perlindungan dari kejahatan jin dan kejahatan manusia dan kejahatan sihir dan kejahatan hasad (dengki) dan segala kejahatan makhluk).

Setengan-setengah ahli ilmu Islam: Menyuruh orang yang mengandung itu selalu membaca Surah Maryam, mengambil berkat dari kisah Sayidatina Maryam yang bersalinkan Nabi Isa Alaihissalam dengan mudah dan selamat itu.

(Bersambung)

WALLAHUAKLAM



## Memeluk Islam

SEORANG lagi gadis Dusun memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Dayang Anah binti Panggil, Kampong Mungkom, Kiudang, Tutong pada 24 Ogos yang baru lalu.

Dayang Noraini binti Gunong (gambar atas) kini dikenali sebagai Dayang Noraini binti Abdullah setelah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Othman bin Talipuddin, Imam Masjid Kampong Kiudang.

## Kempen: 'Brunei Yang Indah'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kempen kebersihan telah dilancarkan pada 26 Ogos lepas oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad. Kempen yang bertemakan 'BRUNEI YANG INDAH' itu adalah projek tahunan syarikat tersebut.

Semasa kempen seluruh negara itu, Syarikat Minyak Shell Brunei telah dan sedang membahagikan beg-beg sampah dan pelekat di beberapa buah stesen minyak, pantai, pusat-pusat membeli-belah dan kawasan-kawasan perkelahan setiap penghujung minggu hingga bulan Oktober. Poster-poster kempen kebersihan juga akan ditampalkan untuk perhatian orang ramai.

# IKUTI KURSUS MEMBACA QURAN DI INDONESIA

SEORANG pegawai dan lapan orang guru ugama dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah berlepas ke Jakarta pada 25 Ogos lalu untuk megikuti Kursus Membaca Al-Quran di Pesantren Al-Quran Al-Falah, Bandung, Indonesia selama kira-kira lapan bulan.

Mereka ialah Awang Haji Abdullah bin Lakim, Awang Wasli bin Haji Abu Bakar, Awang Md. Daud bin Abd. Kadir, Awang Junaidi bin Haji Abdullah, Awang Haji Metassim bin Metussin, Awang Junaidi bin Sabtu, Dayang Jamilah binti Haji Abd. Manaf, Dayangku Hajjah Saadiah binti Pengiran Haji Tuah dan Dayang Hajjah Siti Arbi binti Haji Libut.

Kursus tersebut adalah julung-julung kalinya disertai oleh qari dan qariah dari negara ini.



PARA Qari dan Qariah bergambar sejurus sebelum meninggalkan tanahair.

## Naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengumumkan kenaikan pangkat dua orang Pegawai Kadet pasukan tersebut.

Pegawai-pegawai Kadet Hajjah Rokiah bte Haji Abd. Hamid dari Kompeni Wanita dan Abdur Rafae'a bin Haji Kassim dari Batalion Kedua dinaikkan pangkat menjadi Leftenan Muda.

Kenaikan pangkat kedua-dua Pegawai itu bermula dari 3 Ogos 1984.



ALLAHYARHAMAH Dayang Ribut binti Sabtu.



ALLAHYARHAM Awang Tassim bin Besar

## Tiga jemaah haji meninggal dunia

TIGA orang jemaah haji Brunei telah meninggal dunia di Mekah. Demikian dilaporkan oleh Ketua Pegawai Perhubungan Haji Brunei.

Allahyarhamah Dayang Ribut binti Haji Sabtu, 49 tahun, berasal dari Kampong Lumapas dan telah mengikuti penerbangan kedua telah meninggal dunia pada 23 Ogos yang baru lalu.

Allahyarham Awang Tassim bin Besar, 64 tahun, berasal dari Kampong Lurong Dalam telah meninggal dunia pada 26 Ogos lepas di Rumah Sakit Mekah. Allahyarham menaiki penerbangan jemaah haji yang pertama.



ALLAHYARHAM Awang Matali bin Md. Tahir

Seorang lagi jemaah yang meninggal dunia ialah Allahyarham Matali bin Md. Tahir, 50 tahun, dari Kampong Kuala Peminyak. Allahyarham meninggal dunia pada 27 Ogos dan mengikuti penerbangan kedua.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5 September, 1984 hingga ke hari Selasa 11 September, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 5 | 12.24 | 3.40 | 3.41 | 6.29 | 6.30 | 7.41 | 7.42 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.12 | 6.13 |
| 6–10 | 12.23 | 3.38 | 3.39 | 6.27 | 6.28 | 7.39 | 7.40 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.11 | 6.12 |
| 11 | 12.22 | 3.37 | 3.38 | 6.25 | 6.26 | 7.38 | 7.39 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.10 | 6.11 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman



PASUKAN Polo Air ABDB bergambar ramai sejurus setelah menjadi juara di kejohanan tersebut.

## ABDB JADI JUARA POLO AIR DI HONG KONG

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei buat kali kedua telah muncul sebagai juara dalam perlawanan polo air yang telah berlangsung di Sekolah Kong Village Pool Lah di Hong Kong bulan lepas.

Seramai 35 orang anggota ABDB telah menyertai Kejohanan Renang dan Polo Air yang dianjurkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja British di Tanah Jajahan itu dan merupakan projek tahunan angkatan tersebut.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diwakili oleh Pusat Latihan Bolkiah telah mendapat tempat kedua dalam bahagian Unit Kecil manakala Batalion Kedua mendapat tempat ketiga dalam bahagian Unit Besar.

Dalam acara renang bahagian perseorangan ABDB juga telah meraih beberapa pingat kemenangan. Sebanyak 14 Unit Kecil dan 7 Unit Besar telah mengambil bahagian di kejohanan tersebut.

## ABDB JUARA PIALA PRESIDEN

TEKANAN awal yang diberikan oleh Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam awal-awal permainan berjaya membantu mereka meraih kejuaraan Piala Presiden tahun ini.

Tetapi tembakan bertubi-tubi tidak berterusan dan 'gegaran semusim' untuk Pasukan Belait 'B' tidak mendatangkan hasil.

ABDB seolah-olah hilang pedoman semakin peperangan yang mereka jalankan semakin hangat berjalan.

Di awal permainan, ABDB menunjukkan permainan di luar dugaan dengan gerakan yang pantas, tepat seperti tidak memberi peluang langsung untuk Belait B menarik nafas.

Permainan mereka yang pantas seakan-akan bola tidak pernah mencecah kaki pemain lawan dan dari satu hantaran lintang sebelah kanan bola meluru ke tangkapan penjaga gol Belait B tetapi terlepas dan Suhaili Kula, penyerang utama ABDB meluru bagi gol tunggal di perlawanan akhir Piala Presiden di minit ke-7.

Tetapi gegaran itu gagal digunakan sepenuhnya oleh ABDB dalam masa pasukan lawan masih 'menggeletar' terkejut.

Hasilnya Belait 'B' pulih semangat dan berjaya menukarkan rentak permainan pantas 'Korea Selatan' ABDB untuk mengikut dendangan rentak tarian Belait.

Zainuddin Kassim, penggerak utama Belait B mula mengatur serangan-serangan yang menyengat dan satu dua darinya hampir menghasilkan gol.

Tetapi keupayaan pertahanan ABDB yang diketuai oleh Pg. Tajuddin dan Yusof Rashid berjaya mengekang segala usaha untuk menembusi benteng pertahanan mereka.

Meskipun hampir keseluruhan permainan lebih menyebelahi ABDB tetapi gerakan serangan mereka terbantut hanya setakat petak penalti saja.

Gerakan cantik dari bahagian pertahanan dan tengah begitu teratur tetapi kehilangan 'daya cipta' bila hendak membuat serangan yang baik.

Tetapi kebangkitan semula 'rentak Belait' mungkin lebih bermakna jika tidak 'menghadiahkan' gol di awal permainan. Tentangan dan penyusunan permainan mereka seringkali memerangkap corak permainan lawan.

Jika tidak dengan jaringan mengejut tersebut mungkin perlawanan akhir itu lebih bermakna rasanya bagi Pasukan Belait B dengan seri atau tambahan masa bagi membolehkan 'semangat kebangkitan' mereka menguasai semula permainan.

## Kejohanan pingpong PERKASA berakhir

KEJOHANAN pingpong perseorangan anjuran Persatuan Kampong Saba (PERKASA) yang bermula pada 21 Ogos telah berakhir pada hari Rabu lepas di Pusat Belia.

Kejohanan kali pertama dianjurkan itu disertai oleh 41 orang peserta dari seluruh Kampong Ayer adalah bersempena memperingati 20 tahun penubuhan persatuan tersebut.

Perlawanan tersebut dibahagikan kepada lapan kumpulan dengan sistem kalah mati.

Pg Ibrahim bin Pg Md Salleh dari Kampong Sungai Pandan telah menjadi juara, beliau menerima sebuah oskar rebutan disumbangkan Awang Ang Chen Teck.

Kedua jatuh kepada Awang Momin bin Hussin juga dari Kampong Sungai Pandan dan ketiga, Awang Ismail bin Hussin dari Kampong Pandai Besi, manakala Awang Piut bin Haji Md Rais dari Kampong Pekilong Muara menduduki tempat keempat.

## 20 PENINJU SERTAI KEJOHANAN TINJU KEBANGSAAN

DUA puluh orang petinju telah menyertai kejohanan tinju kebangsaan yang telah berlangsung pada 25 Ogos lepas di Pusat Belia.

Sebanyak lima bahagian telah dipertandingkan iaitu light weight, bantam weight, fly weight, light fly weight dan feather weight.

Kejohanan yang dikendalikan oleh Persatuan Tinju Amatur Negara Brunei Darussalam itu adalah bagi memilih petinju-petinju bagi mewakili negara ini ke kejohanan tinju tiga wilayah yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 September depan.

Turut menyaksikan ialah tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar yang juga telah menyampaikan hadiah-hadiah serta jemputan-jemputan khas yang lain dan orang ramai.

Keputusan perlawanan adalah seperti berikut: Bantam weight, Danson Sumbolong mengalahkan Jeffry Badong. Fly weight, Adi Duraman mengalahkan John Sabin dengan pukulan TKO. Light weight Desmond Maun menewaskan Haji Raub bin Haji Mat Serudin dan Light Fly weight, Binayar Upin menewaskan Bolkiah Othman.

Pengadil perlawanan Norsah Haji Abdullah membatalkan perlawanan bahagian feather weight antara Hussin bin Hassan dan John Petter.



Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar menyampaikan hadiah kepada pemenang bahagian fly weight, Adi Duraman.



SEBAHAGIAN dari 25 buah pasukan jabatan kerajaan di pembukaan rasmi kejohanan Piala Aziz di Stadium Berakas Garison dan dilakukan oleh Brigedier General Dato Paduka Seri Friedberger, Pemerintah ABDB.

## Kejohanan Piala Aziz bermula

DENGAN iringan muzik pencaragam ABDB, dengan megahnya berjalan lalu 25 buah pasukan jabatan-jabatan kerajaan yang menyertai kejohanan Piala Aziz kali keempat tahun ini.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier General Dato Paduka Seri JPW Friedberger selaku tetamu kehormat di hari pembukaan pada 2 September lepas bertempat di Stadium Berakas Garison telah menerima tabik kehormat.

Kerahan Tenaga Awam selaku penyandang Piala Aziz tahun lepas diberi penghormatan untuk mengendalikan kejohanan ini.

Setakat ini belum pernah sesebuah jabatan berjaya mempertahankan kejuaraan. Kali pertama disandang oleh Jabatan Bandaran, musim kedua Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik dan tahun lepas Kerahan Tenaga Awam.

Berikut adalah susunan jadual bagi perlawanan sepanjang bulan September:

14 September, Kewangan bertemu Percetakan (kumpulan A); Hal Ehwal Ugama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (kumpulan B).

16 September: Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik (kumpulan C); JKR bertemu Buruh (kumpulan D).

21 September: Jerudong Park bertemu Kastam dan Eksais (kumpulan A); Penjara dengan Daerah Brunei-Muara (kumpulan B).

23 September: Perkhidmatan Pos dengan Penerangan (kumpulan C); RTB dengan Telekom (kumpulan D).

28 September: Pelajaran dengan Tanah (kumpulan A); Kenderaan Darat bertemu Penerbangan Awam (kumpulan B).

30 September: DBP bertemu Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik (kumpulan C); Perikanan dengan Kebajikan Belia dan Sukan (kumpulan D).

Semua perlawanan akan diadakan di padang Stadium Berakas Garison dan ETR Berakas Garison.

# RTB Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini :

## PENYIAR DAN PENDENGAR

ANTARA penyiar (radio) dan pendengar mempunyai perkaitan tersendiri. Walaupun kedua-dua golongan itu kadang-kadangnya tidak mengenali di antara satu dengan yang lain, tetapi secara saikologi media mereka dijalinkan pula oleh hubungan melalui 'proses komunikasi massa.' Dengan cara yang lebih mudah difahami melalui model yang ringkas ini :—

Punca atau Penyiar Saluran Mesej Penerima atau Pendengar Setuju atau Tidak Setuju Kesan Timbal Balik.

Sebenarnya berbagai-bagai lagi bentuk proses komunikasi yang menunjukkan perkaitan antara penyiar dengan pendengar. Namun matlamatnya hanya satu — untuk menyampaikan mesej ataupun perutusan. Dan dari mesej itulah pula terjalinnya hubungan dua hala — pendengar dengan penyiar atau sebaliknya. Berjaya ataupun tidak mesej itu disogokan kepada pendengar bergantunglah pada kewibawaan punca ataupun penyiar.

### 'EJEN PERUBAHAN SIKAP'

Sebagai media Kerajaan yang menyuarakan berbagai bentuk rancangan serta kegiatan Kerajaan, Radio Brunei mempunyai caranya yang tersendiri bagi menyampaikan mesej Kerajaan kepada pendengar dalam negara ini. Mesej itu pula tidak boleh harus sampai ke sasarannya dan ada pula kesan 'feed back'nya. Kalau tidak ada bermakna radio telah gagal berfungsi sebagai media rasmi Kerajaan. Dan kegagalan itu pula membawa erti kelemahan pada perkhidmatan radio yang dianggap sebagai jambatan penghubung Kerajaan dengan rakyat, 'ejen perubahan sikap' ataupun 'ejen pembangunan.' Kemudiannya akan timbullah pula istilah pembaziran belanja, pembaziran kerja, pembaziran masa dan berbagai-bagai lagi jenis pembaziran.

Sememangnya pada zaman yang serba maju dan mencabar ini pendengar begitu banyak pilihan. Bertambah luasnya pengalaman dan ilmu pengetahuan bererti bertambah luaslah pula pemilaian pendengar pada setiap rancangan-rancangan yang disiarkan.

Para pendengar bukan benda statis, kerana itu ia tidak boleh disogok-sogokan dengan rancangan-rancangan yang kosong, yang hanya suara-suara sumbang di udara ataupun di tv.

Radio merupakan media yang baik untuk membawa mesej, tetapi belum tahu sama ada ianya berkesan ataupun tidak. Keberkesanan mesej itu haruslah diukur dari mutu isi yang dipersembahkan. Sekiranya, kalau hanya isi-isi rancangan diisikan dengan persembahan 'lagu dan musik' dari pagi sampai ke malam, tidak lebih tidak kurang radio kita hanya sebagai kedai menjual rekod ataupun kaset saja layaknya. Jadinya, serba salah juga kita olehnya tentang apa-apakah isi rancangan yang patut menjiwai 'Radio Brunei' kita selama lebih kurang 15 ke-16 jam itu. Kerana tidak dapat dinafikan lagi bahawa radio merupakan suara pemikiran bangsa dan negara kita. Justeru itu kalau kosong suara yang kita kumandangkan kosonglah juga anggapan orang tentang bangsa dan negara kita ini, begitulah juga jika sebaliknya.

Jadinya, untuk membaiki kelemahan-kelemahan dan juga kekurangan-kekurangan dalam diri kita itu amat banyak, satu di antaranya ialah sedia menerima 'keritikan' orang, terutamanya para pendengar. Kalau baik terima dan boleh dijadikan model untuk mengatur rancangan yang lebih bermutu, tetapi kalau tidak baik lupakan saja. Selain dari itu harus sentiasa menanamkan sifat komitmen dalam bertugas, tidak kira ianya pengurusan atau penerbitan ataupun hanya juruhebah. Mungkin banyak lagi perkara-perkara lain yang dapat meninggikan mutu penyiaran kita kalau difikirkan secara luas.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini menampilkan pendengar kita kali ini iaitu Dayang Norazizah bte Osman beralamat No. 30 Kampong Pekan Lama, Negara Brunei Darussalam.

Awda peminat rancangan ini akan dapat mengikuti lagu-lagu pilihan Dayang Norazizah pada hari Selasa 10 September, 1984 jam 4.00 petang.

## 'HILANGNYA BUDI' tajuk Sandiwara Radio Minggu Ini

MINGGU ini rancangan Sandiwara Radio akan mengemukakan lagi sebuah kisah yang membayangkan ragam kehidupan manusia yang berliku-liku dalam cerita yang berjudul "HILANGNYA BUDI" karya Magdalena, Negara Brunei Darussalam.

Penulis menampilkan watak Leha yang keadaan kehidupannya tidak seindah dan semewah kakaknya Rose. Kerana itulah juga ibu mereka sendiri selalu membuat perbandingan di antara mereka berdua.

Leha semakin tidak disenangi oleh ibunya apabila ia mengetahui akan kedudukan Leha yang sebenarnya sudah berbadan dua. Ibu dan kakaknya Rose mengutuk Leha semahu-mahu mereka walaupun Leha cuba mempertahankan dirinya dengan menyatakan semua itu bukanlah kesalahannya.

Setelah puas dimaki-hamun, Leha akhirnya berterus-terang juga. Perkara yang terkutuk itu sebenarnya dilakukan sendiri oleh Hamid, abang iparnya, suami kepada Rose kakaknya sendiri.

Masalah yang Leha hadapi itu memang sukar untuk diselesaikan kerana adalah mustahil bagi Hamid untuk menikahi Leha. Demi untuk menjaga nama baik keluarga dan menutup malu, Hamid mendesak Osman adiknya untuk menikahi Leha. Pada mulanya Osman memang keberatan untuk menunaikannya tapi setelah puas dirayu, akhirnya Osman mengalah dan bersedia berkorban untuk abangnya.

Setelah satu masalah selesai, masalah lain pula timbul. Setelah beberapa lama hidup bersama Leha, Osman pula ditimpa kemalangan jalan raya dan ekoran dari kemalangan itu Osmap menjadi lumpuh.

Kerana Osman sudah menjadi cacat, pandangan ibu Leha terhadapnya pun ikut berubah. Apakah yang akan berlaku seterusnya? Mungkinkah rumahtangga Osman dan Leha akan dapat bertahan lama? Untuk mengetahuinya, ikutilah kisah yang menyayat hati ini melalui siarannya pada 9 September, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Dayang Helen Thu.

## MUTIKA 1984 PERINGKAT SEPARUH AKHIR RANCANGAN KEDUA

LAPAN orang peserta lagi yang telah terpilih memasuki Pertandingan MUTIKA '84 peringkat separuh akhir akan dapat awda ikuti dalam rancangan kedua. Mereka ialah Marali bin Tuah, Hasnan bin Haji Metussin, Jainah bte Haji Othman, Zulkifli bin Butir, Marani Andok, Samat bin Yusof, Zaleha bte Asmat dan Jukin bin Jaafarali.

Rancangan kedua ini akan ditayangkan pada hari Sabtu 8 September, 1984 jam 8.35 malam.



Marali Tuah



Hasnan Haji Metussin



Jainah Haji Othman



Zulkifli Butir



Marani Andok



Samat Yusof



Zaleha Asmat



Jukin Jaafarali.

## Usaha tingkatkan taraf

# KEBAWAH

# RASMI RUMA





SEBAGAI kenang-kenangan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah dipersembahkan sebuah cenderamata yang disampaikan oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (atas).

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke upacara tersebut telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (kanan) sementara gambar bawah kelihatan Baginda ketika berada di Unit Rawatan Khas Kanak-Kanak Damit yang dilahirkan belum cukup bulan. Di sebelah kanan ialah Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga dijunjung berangkat melawat Klinik Mata. Gambar-gambar atas dan bawah kelihatan Baginda mendengar penerangan mengenai dengan peralatan yang digunakan di Klinik tersebut oleh Y.D.M. Pehin Orang Kaya Datu Tabib Indera Setia Dato Seri Laila Jasa Dr Narendra Dhwaj Joshi.



KEBAWAH D
Baginda Raja
berangkat un
Pergigian (ka

Sempena
perasmian R
Kebawah Du
Paduka Seri B
dijunjung m
Pelawat ke r
(bawah).

Gambar ba
Baginda R
menyaksikan
menjalankan
pesakit di Ba
tara gamba
kelihatan para
sepanjang ja
Rumah Sakit
keberangkata
Paduka Seri
lain-lain Kera







## ...n jelas terbukti:

# ...M.M. RAJA ISTERI ... SAKIT SERBA MODEN



**Gambar oleh: Pg Abu Bakar bin Pg Haji Othman**
**Ak Bahar bin Pg. Haji Omar**

USAHA Kerajaan ke arah peningkatan taraf kesihatan rakyat dan penduduk negara ini, jelas terbukti dengan pembinaan kompleks Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, yang lengkap dengan kemudahan dan peralatan perubatan yang serba moden.

Namun, usaha ke arah itu sepatutnya juga menjadi tanggungjawab seluruh anggota masyarakat di negara ini, dan bukan seharusnya dibebankan kepada Kerajaan semata-mata.

Pembukaan Rasmi Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah disempurnakan minggu lalu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, dengan Baginda menekan punat tirai papan perasmian.

Ucapan bermula dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Dayang Nora'alia binti Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, yang kemudian disusuli dengan sembah ucapan alu-aluan dari Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Johar dan sembah ucapan Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

